

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

→ INTERAKTIF

Teknologi bantu laksana pembelajaran sendiri pelajar

Ketrampilan dan tahap kematangan pelajar hari ini tidak seperti sedekad dua lalu. Berubahnya kaedah dan sumber sesuatu ilmu itu diperoleh mempengaruhi minat pelajar untuk terus kekal dalam bilik darjah.

Satu pendekatan perlu diambil dengan mengambil peluang penerapan teknologi yang ada dan mempertingkatkan keberkesanan sistem pengajaran supaya apa yang diajar di sekolah boleh diterjemahkan kepada kemahiran tertentu sesuai dengan situasi. Kitaran proses pembelajaran sendiri ini menggalakkan pelajar untuk bereksplorasi dan mencuba meskipun berdepan kegagalan bagi menggalakkan keterlibatan mereka dengan pengalaman pembelajaran.

Dengan bantuan teknologi berbantuan komputer dan telefon pintar, penggunaan aplikasi-aplikasi dan perisian komputer mampu menarik minat pelajar untuk aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Self-directed learning adalah al-

ternatif yang boleh diguna pakai di sekolah sebagai medium pengajaran yang interaktif. Sebagai contoh, proses pembelajaran ini boleh dimulakan dengan mencadangkan masalah sebenar yang berkaitan dengan isi pengajaran. Permasalahan boleh berbentuk provokasi bagi membangkitkan perbincangan dan menarik lagi boleh dibuat dalam kumpulan kecil pelajar. Guru perlu menyokong aktiviti ini dengan memberikan motivasi secara lisan dengan menggalakkan pelajar berfikir di luar kotak pemikiran mereka.

Pelbagai bentuk cara selesai masalah

Adalah menjadi satu cabaran untuk guru merangka situasi berbentuk masalah kepada pelajar dan memberikan jawapan terbaik bagi menyelesaikan masalah yang dirangka. Setiap masalah mempunyai pelbagai bentuk penyelesaian. Pembelajaran sendiri menggalakkan pelajar untuk menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara, contohnya mereka-

cipta, bereksperimentasi, membuat alatan berteknologi, berinovasi dan bertindak mengikut ilmu pengetahuan sedia ada. Ruang kepada perbincangan perlu diberikan di samping tiada jawapan yang betul atau salah kepada setiap penyelesaian kepada masalah tadi bagi mencabang pemikiran kreatif dan kritis pelajar.

Nilai-nilai positif pembelajaran sendiri diterjemahkan apabila pelajar mampu untuk menyelesaikan masalah yang diberikan dengan mencipta dan merangka jawapan dalam pelbagai bentuk penyelesaian.

Untuk memastikan keberkesanan pembelajaran sendiri berlaku, guru perlu memberikan penilaian dan kritikan dalam bentuk maklum balas yang diperoleh pelajar melalui pengalaman pembelajaran sendiri itu. Ini secara tidak langsung, membantu meningkatkan lagi tahap kefahaman pelajar terhadap hasil pembelajaran.

Proses maklum balas ini dipanggil refleksi sendiri. Refleksi

kendiri ini penting dalam proses penilaian kepada cadangan penyelesaian kepada permasalahan yang ditimbulkan guru. Antara proses refleksi sendiri yang dicadangkan adalah: (1) membandingkan jawapan atau cadangan penyelesaian dengan teori asas dan fakta, (2) memeriksa jawapan pelajar dengan pandangan pakar dalam bidang tertentu, (3) mengambil kira pandangan orang lain contohnya majikan, rakan sekelas, ahli keluarga, pelanggan yang mengenali diri pelajar dan (4) memeriksa jawapan yang terhasil dengan keputusan lebih ideal dalam situasi tenang dan tidak dipengaruhi apa-apa keadaan.

Gabung pengalaman, ilmu

Proses terakhir pembelajaran sendiri adalah generalisasi yang berlaku apabila pelajar menggabungkan pengalaman terhasil melalui pembelajaran sendiri dengan pengalaman yang diperoleh secara langsung atau tidak serta ilmu pengetahuan sedia ada. Apabila generalisasi yang terhasil

melalui pengalaman tersebut berlaku, pelajar akan lebih yakin dengan apa yang ingin mereka lakukan. Dengan tidak terlalu bergantung kepada andaian, pelajar lebih terbuka kepada maklumat diperoleh melalui ilmu pengetahuan yang diuji secara sistematik berdasarkan penyelesaian masalah yang diberikan.

Pembelajaran sendiri yang berbentuk kepada penyelesaian masalah ini boleh diterapkan kepada pelajar pada pelbagai peringkat umur. Guru ambil tanggungjawab bukan lagi hanya mengajar sebaliknya sebagai fasilitator kepada pelajar.

Dengan sumber maklumat kini boleh dicapai di hujung jari, pelajar boleh menyumbangkan kepada pengajaran dan pembelajaran kelas dengan berkongsi maklumat dan ilmu. Justeru, percambahan ilmu itu lebih luas sifatnya.



Dr Muhd Khaizer Omar,
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia